

Program berbuka puasa ini adalan kesinambungan program khidmat bakti dan kemasyarakatan anjuran Pusat Kaunseling UUM, Dewan Penginapan Pelajar Perwaja, dengan kerjasama Persatuan Mahasiswa Anak-anak Negeri Sembilan dan Persatuan Mahasiswa Anak-anak Melaka selama dua hari di Melaka.

Lebih 180 pelajar UUM terbabit dalam program yang membabitkan kerja amal dan kemasyarakatan di Rumah Amal Yayasan DMDI, Rumah Anak Yatim Payasum dan Rumah Anak Yatim Semabok, Melaka.

Turut hadir, Ketua Menteri Melaka, Datuk Seri Mohd Ali Mohd Rustam, Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Pegawai Kanan IPTA dan pelajar IPT dari UUM dan sekitar negeri Melaka.

Mustafa berkata, pihak UUM mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Melaka kerana kesudian menjalinkan kerjasama dalam semua perkara dengan pihak UUM.

Dalam perkembangan yang sama, Mustafa berkata, program khidmat bakti dan kemasyarakatan yang dianjurkan ini adalah untuk memberi kesedaran kepada golongan mahasiswa, menabur ilmu di samping mengeratkan hubungan silaturrahim yang terjalin sesama insan dan melahirkan modal insan yang mempunyai kemahiran insaniah melalui program ini.

Beliau berkata, antara pengisian program ini meliputi aktiviti kemasyarakatan bersama penghuni warga emas Yayasan DMDI dan anak-anak yatim membabitkan inventori psikologi, latihan dalam kumpulan dan kaunseling kelompok.

Selain itu, katanya, program ini juga dapat melahirkan mahasiswa yang mempunyai semangat kesukarelawanan, kepimpinan dan jati diri selaras dengan misi universiti ke arah Universiti Pengurusan Terkemuka.

Sementara itu, Ketua Menteri Melaka, Datuk Seri Mohd Ali Mohd Rustam berkata, kerajaan negeri mengucapkan ribuan terima kasih kepada UUM kerana menganjurkan program ini di Melaka.

"Program khas ini amat baik kerana dapat membantu menceriakan warga emas dan anak-anak yatim Yayasan DMDI.

"Semoga aktiviti seperti ini akan diteruskan di negeri ini dan pihak kerajaan negeri akan memberi kerjasama yang perlu bagi menjayakan apa-apa program yang dirasakan perlu dan sesuai dilaksanakan di negeri ini," katanya.